

21/06/2003

Umno Sabah hantar wakil jalani latihan penerbangan

Daud Awang

MELAKA: Umno Bahagian Lebaran, Sabah berminat menghantar empat peserta menjalani latihan penerbangan di Kelab Penerbangan 4B Malaysia, Batu Berendam, tahun ini.

Pengerusi Tetap Pergerakan Pemuda Umno Lebaran, Abd Mulok Abdul Ghani, berkata latihan itu bertujuan memberi pendedahan kepada belia di Sabah mengenai penerbangan menggunakan pesawat ringan (microlite).

Beliau berkata, peserta yang akan dipilih terdiri daripada dua wakil Pergerakan Pemuda dan masing-masing seorang daripada Wanita dan Puteri Umno Bahagian Lebaran.

"Kami sudah melihat sendiri bagaimana operasi Kelab Penerbangan 4B dan selepas ini satu laporan akan dihantar kepada Ketua Umno Bahagian Lebaran

yang juga Ketua Menteri Sabah, Datuk Musa Aman untuk membolehkan empat peserta dipilih menjalani latihan.

"Yuran pengajian mereka akan ditanggung oleh Umno atau pihak lain yang akan ditetapkan kelak," katanya kepada pemberita selepas melawat kelab berkenaan, kelmarin..

Rombongan Pemuda, Wanita dan Puteri Umno Lebaran mengambil kesempatan melawat Melaka selepas menghadiri Perhimpunan Agung Umno di Kuala Lumpur.

Turut mengiringi rombongan itu ialah Timbalan Pengerusi 4B negeri, Hasan

Abdul Rahman dan Ketua jurulatih penerbangan kelab berkenaan, Kapten Roizan Ahmad.

Kelab Penerbangan 4B Malaysia dilancarkan secara rasmi oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 3 Mei 1996.

Objektif utama penubuhan kelab itu adalah untuk mengembangkan ilmu penerbangan di kalangan belia termasuk melatih, merekabentuk, memasang dan

membina pesawat ringan jenis microlight.

Ketika ini, sebanyak tujuh pesawat microlite digunakan oleh kelab penerbangan itu dengan lebih 150 belia telah mengikuti latihan di kelab terbabit sejak pelancarannya dengan yuran penyertaan sebanyak RM4,500.

Sementara itu, Hasan berkata sebelum ada pihak dari Sabah berminat menghantar peserta tetapi ia tidak dapat diteruskan atas sebab-sebab tertentu.

"Kelab Penerbangan 4B mengalu-alukan penyertaan semua pihak kerana matlamat penubuhannya ialah menggalakkan belia membabitkan diri dalam industri penerbangan.

"Jika ini menjadi kenyataan, Kelab Penerbangan 4B mencatat sejarahnya tersendiri apabila melatih juruterbang pesawat ringan wanita," katanya.

Sehubungan itu, katanya, kelab penerbangan itu kini mengambil langkah mempromosi secara besar-besaran bagi menarik lebih ramai belia menyertai kelab itu pada masa depan.

Sebelum ini, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), Zaini Md Nor, 42, dan Imam Besar Masjid Al-Azim, Melaka, Mohammad Hashim,

37, adalah antara ahli baru kelab ini.

Mereka yang berminat dan ingin mendapatkan keterangan lanjut boleh hubungi 06-3176717 atau Kapten Roizan 013-6845163.